

# Pelajar USIM wakili negara ke tilawah al-Quran antarabangsa

**SEREMBAN 19 Dis.** - Johan tilawah al-Quran institusi pengajian tinggi (IPT), Mohamad Husaini Mahmud, 22, dipilih mewakili negara ke pertandingan tilawah al-Quran antarabangsa untuk pelajar Islam di Tehran, Iran pada 1 hingga 4 Januari depan.

Mohamad Husaini yang merupakan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipilih berdasarkan kemampuannya muncul johan dalam beberapa pertandingan al-Quran di negara ini.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pemilihan itu bukan sahaja satu pengiktirafan kepada USIM tetapi juga kepada negara ini.

"Kita mendoakan semoga Mohamad Husaini melakukan yang terbaik pada pertandingan itu di Tehran kelak. Kita menyokong penuh," katanya di Nilai dekat sini hari ini.

Mohamad Husaini sebelum itu merupakan johan pertandingan tilawah al-Quran Amal Islami, Putrajaya dan naib johan pertandingan tilawah al-Quran peringkat Negeri Sembilan.

Beliau yang ditemui selepas majlis bersama Naib Canselor berkata, segala persediaan untuk pertandingan itu telah dilakukan.

"Saya akan berusaha yang terbaik," katanya yang akan berlepas ke Tehran pada 30 Disember ini.

Pertandingan anjuran Iranian Academics Quranic Activities Organization itu melibatkan peserta remaja berusia 25 tahun kebawah daripada 50 negara antaranya Azerbaijan, Bosnia, Mesir, Syria dan Amerika Syarikat mengadakan jemputan kepada Malaysia melalui



**Kita mendoakan semoga Mohamad Husaini melakukan yang terbaik pada pertandingan itu di Tehran kelak. Kita menyokong penuh."**

**DR. MUSA AHMAD**  
Naib Canselor USIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mohamad Husaini akan dibimbing oleh pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPOS) USIM, Anuar Hasin, yang merupakan johan pertandingan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan 2013 dan pertandingan tilawah al-Quran peringkat ASEAN 2014 serta juara program Akademi al-Quran (AQ) musim kedua.

Anuar Hasin akan bersama wakil negara itu sebagai pegawai pengiring sepanjang berada di Tehran.

Pertandingan yang memilih beberapa bandar utama di Iran seperti Isfhan, Tehran, Mashhad dan Tabriz untuk empat edisi sebelum itu sebagai tuan rumah, dianjurkan bertujuan untuk memperkasakan perpaduan Islam.

Selain itu bertujuan mempromosikan keindahan ayat suci al-Quran dan menjadi platform perkongsian budaya serta interaksi dalam kalangan peserta yang terlibat.

Antara pengisian tambahan sempena pertandingan ini adalah penganjuran dua seminar berkaitan kemuliaan dan mukjizat al-Quran oleh pihak penganjur.



**ANUAR HASIN** (kanan) memberi penerangan kepada **Mohamad Husaini Mahmud** (tengah) mengenai persiapan Pertandingan Tilawah Al Quran Peringkat Antarabangsa yang diadakan di Tehran pada 1 hingga 4 Januari 2015 sambil diperhatikan **Musa Ahmad** (dua dari kiri) di USIM, Nilai, baru-baru ini.